

06/10/1999

Singkatan Universiti Teknologi Mara

UNIVERSITI Teknologi Mara sudah mengemukakan senarai cadangan nama singkatan universiti berkenaan kepada Kementerian Pendidikan selepas dinaikkan taraf daripada Institut Teknologi Mara (ITM) pada 26 Ogos lalu.

Difahamkan, Kementerian Pendidikan sudah menyenaraipendekkan beberapa nama singkatan yang dicadangkan itu untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebelum ini, universiti berkenaan pernah menggunakan nama singkatan Unitekma tetapi kekeliruan timbul apabila beberapa nama singkatan lain turut digunakan, termasuk UTM yang selama ini merujuk kepada Universiti Teknologi Malaysia.

Penolong Rektor (Perhubungan Luar dan Antarabangsa) Universiti Teknologi Mara, Prof Dr Sahol Hamid Abu Bakar, ketika ditemui Berita Harian, semalam, berkata buat masa ini universiti berkenaan menggunakan nama penuh.

Pada 26 Ogos lalu, Dr Mahathir yang mengadakan perjumpaan dengan lebih 15,000 pelajar serta alumni ITM, membuat pengumuman bersejarah kenaikan taraf institut itu kepada Universiti Teknologi Mara.

(END)